

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
www.ijepec.com



**ANALISIS SEMANTIK KOGNITIF DALAM PUISI CINTA TANPA  
TANDA: KONSEP METAFORA DAN IKON DARI PERSPEKTIF  
TEORI RUANG MENTAL**

*A COGNITIVE SEMANTIC ANALYSIS IN CINTA TANPA TANDA POETRY: THE  
CONCEPT OF METAPHORS AND ICONS FROM THE PERSPECTIVE OF  
MENTAL SPACE THEORY*

Khairulanwar Abdul Ghani

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Email: ujanasastera.ka3@gmail.com

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 28.02.2021

Revised date: 15.03.2021

Accepted date: 29.03.2021

Published date: 31.03.2021

**To cite this document:**

Abdul Ghani, K. (2021). Analisis Semantik Kognitif Dalam Puisi Cinta Tanpa Tanda: Konsep Metafora Dan Ikon Dari Perspektif Teori Ruang Mental. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (38), 237-256.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.6380019.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Metafora ialah manifestasi asas atau konstituen yang wujud dalam sistem kognitif manusia. Walaupun puisi digambarkan sebagai seni retorik yang tercipta hasil imaginasi manusia, namun tidak seharusnya kita membataskan hanya dalam ruang lingkup kognitif semata-mata. Sebaliknya perlu diberikan tumpuan dari aspek semantik juga. Gagasan utama yang hendak diperkatakan di sini adalah unsur metafora tidak hanya berkisar pada aspek kognitif sahaja, sebaliknya turut meliputi persoalan yang lebih luas, iaitu merangkumi aspek psikologi, budaya, makna dan struktur ikonik. Oleh hal yang demikian, bagi mempertalikan dua gagasan utama ini, iaitu semantik kognitif dan semiotik, maka kajian ini akan menggunakan Teori Ruang Mental (Mental Space Theory) oleh Gilles Fauconnier (1985) sebagai landasan kajian. Koleksi puisi yang bertajuk 'Cinta Tanpa Tanda' oleh Sujiwo Tejo pula akan dimanfaatkan sebagai data kajian bagi menjawab objektif kajian yang dibina, iaitu menjelaskan fungsi metafora dan ikon yang terpancar dalam puisi yang mempunyai konstruksi tatabahasa yang agak kabur dan implikasi budaya yang luas. Hasil dapatan menunjukkan bahawa hubungan antara metafora dan ikon adalah bersifat sejajar, iaitu saling bertaut dalam proses rekonstruksi makna dalam minda manusia. Puisi yang kaya dengan implikasi tradisional banyak menggunakan konsep metafora-ikon bagi membentuk sebuah model kognitif budaya. Penggunaan metafora dan ikon dalam puisi membantu manusia untuk memahami ekspresi linguistik secara berstruktur dan bersistematik, sekali gus mengarah kepada pemahanan makna kontekstual. Oleh itu, jelaslah bahawa mekanisme kognitif yang meliputi struktur ujaran, kandungan semantik, unsur retorik dan interpretasi logik berupaya memperlihatkan bahawa metafora

adalah cara berfikir yang ditakrifkan sebagai suatu pemetaan bersistem dan teratur melalui kaedah pengadunan konseptual (*conceptual blending*).

**Kata Kunci:**

Skema-Imej, Metafora, Ikon, Ruang, Penciptaan Makna

**Abstract:**

Metaphors manifestly a basic and omnipresent constituent of the mental life of human beings, a cognitive prerequisite of symbolization and thought. The study of the poetic functions of imagery offers us a window into the cognitive semantics of the imaginative mind, but the literary contribution should not limit itself to illustrating the generalities of the mind; it should also address the issue that more extensive such as psychology, culture, meaning production and iconic structure. Therefore, in order to link these two main ideas, which are cognitive semantics and semiotics, then this study will use the Mental Space Theory by Gilles Fauconnier (1985) as the primarily linguistic tool for text analysis. Sujiwo Tejo's collection of poems entitled 'Cinta Tanpa Tanda' will be used as research data to answer the objectives of the study, which is to explain the function of metaphors and icons that emanate in poetry that has a relatively vague grammatical construction and broad cultural implications. The findings show that the relationship between metaphor and icon is parallel, that is, interconnected in the process of reconstruction of meaning in the human mind. Poems rich in traditional implications may use many metaphorical-iconic concepts to form a cultural cognitive model. The use of metaphors and icons in poetry helps human beings to understand linguistic expressions in a structured and systematic technique, thus leading to the understanding of contextual meaning. So, what can we conclude here is that cognitive mechanisms that include speech structure, semantic content, rhetorical elements, and logical interpretation are able to show that metaphor is a way of thinking that is defined as a systematic and orderly mapping through a conceptual blending model.

**Keywords:**

Schema-Image, Metaphor, Icon, Space; Meaning Construction

## Pengenalan

Puisi adalah salah satu cabang kesenian manusia yang merujuk susunan atau aturan ayat yang berfungsi untuk menyampaikan maksud dalam bentuk yang indah (Khairulanwar Abdul Ghani & Noriah Mohamed, 2019: 3). Metafora lazimnya digunakan sebagai pengias dan pengibarot dalam puisi. Tujuannya adalah untuk membantu pembaca menyelami pengalaman yang diungkapkan oleh penulis. Oleh itu, kita boleh mengandaikan bahawa metafora merupakan antara aspek terpenting dalam penciptaan puisi. Lambang atau simbol lazimnya digunakan sebagai kias ibarat dalam sesebuah karya puisi bagi menyampaikan sesuatu mesej secara halus dan berkesan. Perlambangan dalam puisi juga adalah satu-satunya cara yang paling indah, impresif dan paling berkesan untuk mendendangkan atau meluahkan sesuatu rasa dan perasaan yang terbuka di hati. Dengan ini, tidak dapat dinafikan bahawa puisi merupakan pengungkapan kosmologi Melayu yang diterapkan dengan inspirasi keindahan.

Unsur perlambangan yang terdapat dalam puisi boleh dijelaskan falsafahnya apabila seseorang pengkaji mampu untuk mengaplikasikan sesuatu pendekatan atau teori yang ampuh bagi

melihat maksud dan falsafah yang tersirat dalam sesebuah puisi. Hal ini membuktikan bahawa wujudnya makna tersirat di sebalik perlambangan yang digunakan dan inilah dasar bagi pengkaji untuk memahami akal budi Melayu. Unsur bahasa yang tersirat ini telah menarik perhatian sarjana luar untuk terus mengkajinya meskipun terdapat banyak penggunaan bahasa tersirat seperti peribahasa dan puisi yang menjadi teras pemikiran masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, makna yang terdapat dalam pemikiran individu adalah berbeza dengan individu yang lain. Hal ini demikian kerana sesuatu makna itu bergantung kepada pengalaman individu dan juga pengalaman kolektifnya. Oleh itu, kajian berkaitan pentafsiran makna perlu dilihat pada bidang semantik kognitif.

Pendekatan semantik kognitif merupakan salah satu pendekatan yang digunakan dalam bidang semantik dan berasaskan pengalaman yang mengambil kira pengalaman lepas dan juga alam sekeliling. Pendekatan semantik kognitif yang mengambil kira aspek sosiobudaya mampu untuk menghuraikan prinsip sejagat yang mendasari cara manusia memahami dan memberikan erti kepada puisi. Pendekatan ini juga memperluas kajian semantik puisi mencakupi bukan sahaja unsur dan struktur linguistik, tetapi mengambil kira juga pengetahuan latar (*background knowledge*), kepercayaan budaya (*cultural beliefs*), budaya rakyat (*folklore*) dan proses kognitif yang terkandung dalam sesuatu puisi. Gilles Fauconnier (1985) melalui teorinya, iaitu Teori Ruang Mental (seterusnya ialah TRM) menyatakan bahawa ruang mental terbentuk ketika wacana dihubungkan dengan struktur kognitif yang nyata. Hal ini bermaksud bahawa ruang mental sememangnya telah terbina dalam memori manusia. Struktur kognitif yang dimaksudkan ini dapat dihuraikan melalui tiga peringkat. Pertama adalah proses pengumpulan data yang berupa pengalaman dan pengetahuan. Peringkat kedua adalah proses penyimpanan, iaitu data yang telah diperolehi akan disimpan dalam ingatan (*memory*) jangka panjang dalam bentuk kerangka (*frame*). Peringkat ketiga pula adalah proses pengadunan, iaitu kerangka yang sedia tersimpan tersebut akan berfungsi sebagai ingatan apabila konteks penggunaannya diperlukan kelak. Kerangka memori juga boleh disebut sebagai indeks, iaitu pengalaman dan pengetahuan sedia ada yang tersimpan dalam memori manusia yang berfungsi untuk mentafsir sesuatu kiasan pada peringkat heuristik atau literal (Riffaterre, 1978: 9). Hal ini menunjukkan bahawa setiap makna yang bermain dalam akal manusia dapat dicerminkan daripada pengalaman lepas yang pernah dilalui serta interaksinya dengan dunia luar.

### **Objektif Kajian**

Dua objektif telah dibentuk bagi membangunkan satu kajian yang baharu, iaitu i) menghuraikan fungsi metafora dan ikon yang terpancar dalam puisi; ii) memetakan gambaran konsep metafora berdasarkan puisi yang dijelmakan melalui skema-imej berdasarkan pengadunan konseptual (*conceptual blending*).

### **Sorotan Literatur**

Melalui penghuraian kosa ilmu, pengkaji berusaha untuk mencari aspek-aspek yang mungkin terlepas pandang oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini seterusnya memperbaiki dan menambah baik dalam kajian pengkaji dan mungkin kajian-kajian akan datang. Penelitian terhadap kajian lepas mengenai puisi masih berkisar kepada perkara yang sama cuma yang membezakannya adalah dari segi perinciannya sahaja. Untuk itu, kosa ilmu dalam dan luar negara akan dibincangkan oleh pengkaji. Antaranya termasuklah kajian yang telah dilakukan oleh Masako Hiraga (1999), Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifly Hamid (2015), Nabaz, Suhayla dan Wirya (2018),.

Kajian yang dijalankan oleh Masako Hiraga (1999) yang bertajuk “*Blending and the interpretation of Haiku: A cognitive approach*” turut memberi penekanan kepada aspek kognitif dalam bidang sastera. Bahan kajian pengkaji adalah berupa puisi, iaitu puisi Haikku (Jepun). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kerangka TRM oleh Fauconnier (1985) sebagai landasan kajian untuk melihat ruang input (*input space*), makna kontekstual dan sekali gus memahami metafora yang berupa lambang sejagat yang terdapat dalam teks sastera dari sudut logik dan kognitif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi Haikku mempunyai nilai sastera yang bersifat tradisi yang kemudiannya telah membentuk suatu model kognitif budaya (*cultural cognitive model*) dalam sastera Jepun. Melalui teori ini juga, pengkaji memperoleh dua implikasi. Pertama adalah dari aspek konteks pragmatik seperti latar masa, tempat dan adat setempat. Kedua adalah pembentukan model sastera rakyat (*folk model*) yang terbina berdasarkan kepercayaan masyarakat terhadap konseptualisasi yang wujud. Kedua-dua implikasi ini amat penting kerana ia membantu pengkaji untuk memahami makna puisi dengan lebih jelas.

Kajian oleh Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifly Hamid (2015) yang bertajuk “Akal budi Melayu dalam mantera: Analisis semantik kognitif” turut tidak ketinggalan membincangkan aspek kognitif yang terdapat dalam mantera. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik kognitif yang melibatkan dua daripada lima jenis *Idealized Cognitive Models* (ICM), iaitu metafora konsepsi dan skema imej yang telah diperkenalkan oleh Lakoff. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga jenis metafora konsepsi sememangnya wujud dalam mantera Melayu yang terkandung dalam buku Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu. Metafora konsepsi struktural mencatatkan kekerapan paling tinggi kerana bahasa yang terdapat di dalam mantera tersebut kebanyakannya mempunyai item-item yang berstruktur dan sejajar dengan pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh seseorang.

Seterusnya adalah kajian yang dijalankan oleh Nabaz, Suhayla dan Wiryana (2018) yang bertajuk “*An Analysis of the Figures of Speech in Mental Spaces: A Cognitive Semantic Study*” bertujuan meneliti ujaran dalam filem dari sudut semantik kognitif. Kajian ini memanfaatkan pendekatan yang dibawa oleh Fauconnier (1985), iaitu TRM bagi meneliti ujaran yang terdapat dalam filem *Show's man and Superman*. Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan dapatan yang diperoleh adalah ujaran merupakan elemen terpenting dalam bidang linguistik, iaitu sebagai fungsi bahasa yang mengarah kepada penciptaan makna. Dari aspek kognitif pula, dapatan menunjukkan bahawa proses penciptaan makna berlaku apabila penutur merekonstruksi makna di dalam minda melalui ruang atau domain konseptual yang diciptanya, kemudian ruang-ruang yang bertindak sebagai penghubung atau mediator tersebut akan dihubungkan pula dengan maklumat yang sedia ada yang tersimpan dalam kerangka memori.

Kesemua kajian yang diperihalkan tersebut membawa satu dogma yang sama, iaitu metafora ditakrifkan sebagai pemetaan bersistem yang terhasil daripada tindak balas minda. Lantas, tidak keterlaluan jika kita mengatakan bahawa metafora itu boleh berdiri sebagai satu konstituen yang utuh dalam sistem kognitif manusia. Yang menarik untuk diteroka adalah bagaimana gerak kerja minda manusia ini merekonstruksi penciptaan makna berdasarkan jaringan kognitif yang bersistem dan berstruktur. Dalam hal ini, kesemua kajian yang dihalusi tersebut mengarah kepada tujuan yang sama. Walaupun begitu, perlu ditegaskan bahawa masih terdapat lompong di sana sini yang boleh dimurnikan. Umpamanya kajian oleh Nabaz, Suhayla dan Wiryana (2018) yang dilihat kurang berjaya menonjolkan aspek metafora yang terkandung dalam ujaran yang dianalisis. Kelemahan ini mungkin berlaku apabila pengkaji gagal mengenal pasti unsur metaforikal yang wujud dalam data yang dianalisis (kelemahan yang sama turut


berlaku dalam *Metaphor Conceptual Theory*, rujuk Gibbs, 2013). Oleh itu, kajian yang bakal dilakukan ini sedikit sebanyak akan mengisi kelompongan yang ditinggalkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Tujuannya bukanlah untuk mencari kajian siapa yang lebih cemerlang, sebaliknya fokus utama kajian ini adalah untuk menawarkan suatu mekanisme baharu dalam memahami unsur metafora. Asasnya tetap sama, yang berbeza hanyalah perincian dan cakupan mengenai konsep metafora itu sahaja.

### Metodologi

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik dan aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kajian kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data sekunder dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Data primer yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada buku koleksi puisi oleh Sujiwo Tejo yang bertajuk 'Cinta Tanpa Tanda'.

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan semantik kognitif yang berfokuskan kepada psikologi manusia dalam penciptaan makna. Keupayaan kognitif asas tercermin melalui keupayaan manusia mengkategorikan (membentuk konsepsi berstruktur yang bersifat pelbagai tingkat dan lapis), dan mengkonsepsi (membayangkan sesuatu situasi mengikut tahap abstrak yang pelbagai). Aspek seterusnya yang sering dikaitkan dengan sistem kognitif manusia adalah makna. Makna merupakan objek yang wujud dalam pemikiran kita (*meaning is embodied*). Hal ini bermaksud, apabila mengkaji makna, tujuan utama bukan mencari persamaan antara ujaran dengan dunia nyata, sebaliknya kajian tersebut berkenaan cara makna itu dimotivasikan oleh persepsi manusia berdasarkan pengalaman dan pergaulannya dengan dunia sekitarnya.

Dalam Teori Ruang Mental yang diperkenalkan oleh Fauconnier (1985; 1997), terdapat tiga pendekatan yang dicadangkan dalam bidang semantik kognitif. Antaranya termasuklah model Pendakian Gunung (*hiking-up-a-mountain model*), model Perlumbaan Kapal Hantu (*A race with a ghost boat model*) dan model Termometer (*Thermometer model*). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menerapkan model Termometer sebagai pendekatan kajian bagi menjawab objektif yang telah ditetapkan. Berikut merupakan konsep asas yang dikemukakan oleh Fauconnier (1985) bagi menjelaskan hubungan antara metafora dan ikon dalam bahasa:



**Rajah 1.0: Hubungan Metafora-Ikon dalam Bahasa**



Model kognitif yang diperkenalkan oleh Fauconnier ini cukup mudah. Ruang mental adalah domain yang digunakan untuk menggabungkan maklumat tertentu. Peranan seperti itu dapat berfungsi sebagai perwakilan, misalnya, dunia yang ditentukan oleh gambar atau karya fiksyen, pandangan seseorang terhadap dunia, situasi yang terletak pada waktu dan/atau ruang, harapan manusia, hipotesis atau bayangan sesuatu keadaan dan sebagainya. Di dalam segmen ruang, objek boleh dilambangkan sebagai kewujudan dan hubungan yang bertaut antara objek tersebut, tanpa mengira status objek dan hubungan tersebut di dunia nyata.

Dalam 'kotak' makna yang ditonjolkan tersebut, proses metafora digambarkan melalui paparan pengadunan. Secara asasnya, terdapat empat ruang mental (diwakili oleh empat bulatan) dalam rajah tersebut, iaitu terdiri daripada dua ruang input, ruang generik dan ruang pengadunan. Ikonik adalah imaginasi dan diagramatik yang berkaitan dengan i) struktur ruang input di mana persepsi deria diprojeksikan ke dalam kandungan imej melalui pemetaan imejan, dan kemudian ke dalam skema-imej melalui pemetaan diagramatik; dan ii) hubungan input dengan ruang generik di mana pemetaan diagramatik akan memprojeksi skema-imej dalam satu ruang dengan ruang skema-imej yang lain. Apabila bentuk (bunyi atau visual) secara langsung mengarah kepada pembentukan makna, seperti dalam kes onomatopoeia dan bahasa yang dapat dilihat, pemetaan imejan berlaku melalui hubungan sejajar antara segmen bentuk dengan segmen makna seperti yang digambarkan melalui anak panah pada rajah tersebut. Sebaliknya, apabila metafora nahu memberi makna untuk dibentuk (realisasi kepada metafora konseptual yang dapat dikesan sama ada dalam penggunaan bahasa lisan mahupun tulisan), terdapat pemetaan diagramatik dari segmen makna ke segmen bentuk (struktur visual, bunyi dan sintaksis) juga seperti yang digambarkan oleh anak panah pada rajah tersebut. Terdapat tiga jenis keadaan pemetaan diagramatik, iaitu dari ruang input, dari ruang generik dan ruang pengadunan ke dalam bentuk struktur visual, bunyi dan sintaksis (seterusnya ialah VBS). Metafora nahu adalah metafora konseptual konvensional yang memberikan makna ikonik untuk dibentuk, dan secara tidak langsung akan menyumbang kepada interaksi antara bentuk dan makna pada tahap kedua-dua segmen teks dan struktur makro teks (Lakoff & Turner, 1989: 11).

Fauconnier menyatakan bahawa model ini merangkumi semua domain penciptaan makna, iaitu bahasa (metafora, iklan, sindiran) dan penggunaan gerak isyarat untuk menyampaikan makna bukan linguistik, seperti cara orang beratur untuk mendapatkan tiket di teater atau simbolik tertentu dalam komunikasi. TRM ini terdiri daripada enam komponen yang menjadi asas penciptaan makna (meaning production), iaitu ruang semiotik, ruang paparan, ruang rujukan, ruang logik, ruang pemprosesan dan ruang makna. Keenam-enam komponen ini akan digunakan untuk memahami sesuatu makna. Caranya adalah dengan mengaitkan sesuatu ungkapan, simbol, isyarat dan visual itu secara langsung dengan menggunakan kesemua komponen tersebut melalui pengalaman yang sedia ada pada individu tersebut (Oakley & Hougaard, 2008). Melalui cara ini, kiasan yang berupa metafora atau makna bukan linguistik seperti isyarat, simbol dan visual dapat difahami dengan lebih baik dan sistematik

Teori ini juga melihat bahasa dalam konteks interaksi sesama manusia dan interaksi manusia dengan alam. Hal ini disebabkan, semantik kognitif merupakan satu teori linguistik yang mengkaji keupayaan penggunaan bahasa. Ia berdasarkan prinsip bahawa keupayaan menggunakan bahasa merupakan satu keupayaan kognitif yang dipengaruhi secara kolektif oleh inventori bahasa (leksis, morfologi dan sintaksis) dan turut dipengaruhi oleh masyarakat, budaya dan pengalaman manusia.

## Analisis Kajian

Bahagian ini memaparkan secara mendalam mengenai analisis konsep metafora-ikon berdasarkan semantik kognitif yang terdapat dalam puisi. Perbincangan adalah berlandaskan enam komponen yang menjadi asas penciptaan makna (*meaning production*) serta konsep skema pengadunan konseptual (*conceptual blending*) yang telah diperkenalkan oleh Fauconnier (1985).

### Data 1:

#### Puisi: Cinta ialah Sebuah Falsafah

Mata air bersatu dengan sungai,  
Dan sungai bertemu dengan samudera,  
Angin dari syuga bercampur hingga abadi  
Dengan sebuah perasaan manis;  
Tiada suatu pun di dunia ini yang sendiri,  
Semua hal dibentuk sesuai kehendak Ilahi  
Dalam satu jiwa bertemu dan menyatu--  
Mengapa tidak aku menyatu denganmu?

Lihatlah gunung-gunung mencium mesra syurga yang tinggi,  
Dan ombak-ombak saling memaut;  
Tak ada bunga yang akan memaafkan  
Sekiranya ada yang mencemuh abangnya:  
Dan sinar mentari memeluk bumi,  
Dan sinar bulan mencium lautan--  
Apa yang bererti dari semua ciuman itu,  
Jika yang menciummu bukanlah aku?

Puisi yang bertajuk “Cinta ialah Sebuah Falsafah” ini banyak menggunakan metafora konvensional (*conventional metaphor*). Oleh itu, apakah yang dimaksudkan dengan metafora konvensional dan bagaimanakah metafora ini berfungsi memaknai ruang sasaran yang wujud, seperti yang dibayangkan oleh tajuk puisi “Cinta ialah Sebuah Falsafah”? Penggunaan ekspresi metaforikal yang menggambarkan konsep metafora konvensional dapat dilihat melalui rajah berikut:

**Jadual 1.0: Konsep Metafora**

No.	Konsep
1.	Kejadian alam ialah sebuah entiti
2.	Objek alam ialah sebuah entiti
3.	Perasaan ialah sebuah entiti
4.	Alam ialah manusia
5.	Perbezaan membentuk pasangan
6.	Penyatuan ialah pencampuran
7.	Kefahaman ialah penglihatan
8.	Hubungan ialah sentuhan
9.	Permintaan ialah persoalan



10. | Cinta ialah penyatuan
11. | Cinta ialah sentuhan
12. | Cinta ialah sebuah hubungan berpasangan

Berdasarkan jadual tersebut, metafora kognitif yang ditampilkan seperti KEJADIAN ALAM ialah SEBUAH ENTITI, OBJEK ALAM ialah SEBUAH ENTITI dan PERASAAN ialah SEBUAH ENTITI, merupakan suatu konsep yang disebut oleh Lakoff dan Johnson (1980: 25-32) sebagai 'metafora ontologi' yang membolehkan kita memahami sesuatu peristiwa secara berterusan, memahami realiti yang sedang berlaku dan memahami keadaan sesuatu benda yang tidak stabil atau sedang bergerak seperti objek, entiti atau unit yang boleh kita rujuk, ukur, kenal pasti dan sebagainya. Dalam puisi tersebut, FENOMENA ALAM dan OBJEK ALAM seperti mata air, sungai, angin, gunung, syurga, ombak, cahaya matahari, bumi, sinar bulan dan laut dianggap sebagai ENTITI yang tidak bercantum kerana mempunyai sempadan dan bentuk yang tersendiri. Sebagai contoh, 'emosi' pada rangkap pertama dilihat seolah-olah sebagai sebuah ENTITI yang dapat dihitung bahkan dapat memberi makna bagi kata sifat rasa, iaitu 'manis' (dengan mengambil kira konsep PERASAAN ialah SEBUAH ENTITI). Frasa perasaan manis pada rangkap pertama membawa konotasi positif, iaitu gambaran bagi rasa cinta dan gembira.

Seterusnya, sebahagian daripada entiti ini juga boleh dihubungkan dengan konsep metafora ALAM ialah MANUSIA. Sebagai contoh, i) lihatlah gunung-gunung mencium mesra syurga yang tinggi; ii) dan ombak-ombak saling memaut; iii) tak ada bunga yang akan memaafkan jika abangnya dicemuh; iv) dan sinar mentari memeluk bumi; v) dan sinar bulan mencium lautan. Maka, persoalan yang timbul di sini ialah, apakah mungkin terdapat metafora yang tidak konvensional? Mungkin kita perlu perhatikan dalam konteks hubungan ini bahawa terdapat beberapa metafora seperti yang dikelaskan oleh Lakoff dan Turner (1989) sebagai pengembangan metafora konvensional yang tidak bersifat konvensional. Sebagai contoh, metafora bunga dan abangnya pada baris 11 dan 12 memperluaskan makna metafora ALAM ialah MANUSIA yang bukan sahaja membawa konotasi lelaki dan wanita, sebaliknya turut memaparkan hubungan kekeluargaan antara abang dan adik.

ENTITI dalam puisi tersebut berfungsi memberi pertentangan semantik, seperti BESAR lawan (seterusnya lwn) KECIL (sungai lwn mata air; lautan lwn sungai); MANUSIA lwn TUHAN (emosi lwn syurga); MANUSIA lwn ALAM (emosi, aku, kamu, abang lwn mata air, sungai, lautan, angin, gunung, ombak, bunga, sinar mentari, bumi dan sinar bulan); BUMI lwn SYURGA (mata air, sungai, lautan, gunung, ombak, bunga, bumi lwn surga, undang-undang, ilahi, cahaya matahari, sinar bulan); LELAKI lwn WANITA (abang lwn kakak; saya lwn kamu); AIR lwn TANAH (mata air, sungai, lautan, ombak, laut lwn bumi, gunung); dan SIANG lwn MALAM (sinar matahari lwn sinar bulan).

Selain itu, konsep PENYATUAN secara literal boleh diertikan melalui kata kerja gaul dan campur. Makna PENYATUAN di sini sebenarnya mempunyai sifat dan kualiti yang sama, iaitu tidak berbentuk. Oleh itu, imej PENYATUAN boleh dikaitkan dengan CAMPURAN CECAIR YANG MENGALIR, seperti mata air yang dicampurkan dengan sungai; sungai dengan lautan, dan CAMPURAN YANG TAK TERLIHAT, seperti angin yang bercampur antara satu sama lain dengan emosi manis. Ketika puisi berkembang membentuk sebuah cerita, imej PENYATUAN berubah menjadi imej SENTUHAN, iaitu SENTUHAN FIZIKAL. Hal ini, seolah-olah ingin menyampaikan sebuah mesej secara tersirat, iaitu menggambarkan kerinduan kekasih kepada kekasihnya yang dijelmakan melalui fantasi yang bersifat abstrak ke dalam makna yang bersifat konkrit. Pada awal rangkap kedua, penulis menggunakan kata kerja lihatlah untuk menyatakan sebuah

penekanan atau emosi (*tension in context*) kepada pembaca. Perbuatan melihat boleh mendukung dua makna melalui konsep metafora KEFAHAMAN ialah PENGLIHATAN, iaitu penglihatan oleh mata secara fizikal dan mata fikiran. Metafora kognitif PEMAHAMAN ialah PENGLIHATAN juga boleh terdapat dalam komunikasi seharian. Sebagai contoh, "Saya melihat apa yang kamu cuba sampaikan," dan "Ini kelihatan berbeza dari sudut pandangan saya".

Di samping itu, konsep SENTUHAN juga boleh dijelaskan melalui kata kerja menyentuh seperti memeluk dan mencium. Puisi tersebut jelas memperlihatkan proses pengembangan tidak konvensional bagi skema-imej seperti sinar mentari memeluk bumi dan sinar bulan mencium lautan. Mengapakah ia dikatakan pengembangan tidak konvensional? Hal ini demikian kerana metafora tidak konvensional tidak digunakan secara sistematik dalam sistem bahasa, tetapi dicipta berdasarkan proses idiosinkratik dan kekreatifan penulis itu sendiri. Metafora tidak konvensional biasanya dicipta dan digunakan dalam keadaan tertentu untuk memberi kesan retorik dan nilai kreatif terhadap makna yang hendak diungkapkan dalam puisi yang dicipta (Lakoff & Turner, 1989). Jadual berikut akan memaparkan secara ringkas mengenai hubungan antara metafora konvensional dan tidak konvensional seperti yang dibincangkan tersebut:

**Jadual 2.0: Hubungan Metafora Konvensional dan Tidak Konvensional**


Metafora Konvensional	Metafora Tidak Konvensional
Metafora konsepsi: CINTA ialah SEBUAH PERJALANAN.	Ekspresi metaforikal: Kita boleh melalui jalan yang sama, tetapi kamu perlu menaiki kenderaan kamu sendiri
Ekspresi Metaforikal: Kita bawa haluan masing-masing	Ekspresi metaforikal ini mewakili peluasan konsep yang tidak konvensional bagi metafora CINTA ialah SEBUAH PERJALANAN.

Oleh hal yang demikian, dapat difahami di sini bahawa penulis sengaja menggunakan metafora tidak konvensional dalam puisi tersebut bagi mewujudkan sebuah interaksi yang bersifat logik antara manusia dan alam, sekali gus memberi gerakan dari alam secara luaran ke dalam dunia dan nasib manusia secara realiti.

Berdasarkan puisi tersebut, jelaslah bahawa terdapat banyak ungkapan kiasan yang bersifat metafora kognitif konvensional yang biasa digunakan dalam bahasa sehari-hari, maka persoalan yang wajar ditimbulkan di sini adalah, bagaimanakah penulis memanfaatkan fungsi metafora konvensional ini untuk menghasilkan sebuah karya yang puitis dan unik? Bahagian sebelumnya kita telah membincangkan secara terperinci mengenai penggunaan metafora konvensional dan tidak konvensional oleh penulis dalam puisi yang diciptanya. Namun begitu, apa yang lebih menarik di sini adalah tentang teknik gabungan metafora yang digunakan oleh penulis bagi membentuk sebuah rangkaian metafora yang lebih kompleks dan kreatif, sekali gus memerlukan sebuah hipotesis yang lebih luas cakupannya.

Pemetaan bagi keseluruhan puisi dapat digambarkan melalui pemetaan domain ALAM ke dalam domain MANUSIA. Kesemua PENCAMPURAN dan PENYATUAN serta SENTUHAN dalam ALAM dikonsepsikan sebagai sepasang kekasih. Bagi memahami makna sebenar atau tema puisi tersebut, maka konsep pengadunan diterapkan dengan mengambil konsep ALAM ialah MANUSIA. Ruang sumber input memaparkan struktur skema-imej yang diperoleh berdasarkan konsep berpasangan antara fenomena alam semula jadi dengan objek. Seterusnya, ruang

sasaran input akan memproyeksi struktur skema-imej berdasarkan pengetahuan sedia ada, ruang logik dan konteks puisi. Struktur skema-imej bagi setiap ruang input akan disimpan dalam struktur abstrak dalam ruang generik, atau dikenali juga sebagai kerangka PASANGAN. Kerangka PASANGAN ini dibuat secara skematik melalui dua cara, i) gandingan dua perkara yang serupa, seperti air dan air, ombak dan ombak, manusia dan manusia; ii) gandingan berdasarkan perbezaan, seperti lelaki dan wanita, adik dan abang, pepejal dan cecair. Bagi melihat dengan lebih jelas rantaian metafora yang dimaksudkan ini, rajah berikut memaparkan konsep metafora-ikon dalam puisi dikaji:



**Rajah 2.0: Hubungan Metafora-Ikon bagi Puisi 'Cinta ialah Sebuah Falsafah'**

Berdasarkan rajah tersebut, segmen bagi bentuk puisi memperoleh makna ikonik melalui metafora nahu yang sebenarnya merupakan kandungan daripada dua ruang generik, iaitu ruang generik 2 dan 3 untuk dua pemetaan ikonik. Rajah tersebut juga menunjukkan dua jenis pemetaan diagramatik. Pertama, terdapat pemetaan diagramatik antara bentuk struktur skema bagi puisi dan skema-imej ruang generik (ruang generik 1, input bagi pasangan yang serupa dan pasangan yang berlawanan) daripada metafora sejagat, yang dihubungkan oleh ruang generik 2 dan metafora nahu (BENTUK PASANGAN YANG SAMA akan menghasilkan ISI KANDUNGAN YANG SAMA). Kedua, terdapat pemetaan diagramatik yang lain antara bentuk struktur skema bagi puisi dan skema-imej ruang pengadunan. Hal ini boleh dikaitkan dengan pemetaan ikonik bagi skema-imej yang diproyeksikan melalui ruang generik 3 (BENTUK PASANGAN BERLAWANAN akan menghasilkan ISI KANDUNGAN BERLAWANAN).

Selanjutnya, pada ruang pengadunan, semua struktur dari ruang generik dan ruang input akan disimpan, dan pada masa yang sama beberapa struktur baharu akan muncul. Sebagai contoh, puisi tersebut memberi gambaran tentang kisah dua kekasih yang belum bersatu. Puisi ini

bukan sahaja memaparkan sebuah hipotesis mengenai konvensi linguistik yang ditunjukkan melalui rangkaian metafora yang digunakan semata-mata, sebaliknya turut merangkumi pengetahuan mengenai budaya, tradisi, sejarah dan agama yang didasari oleh logik. Puisi tersebut boleh menjadi pernyataan umum mengenai falsafah tentang cinta. Imajinasi yang puitis telah meluaskan lagi konsep metafora konvensional tentang cinta, iaitu melalui pengalaman yang diungkapkan penulis seperti yang dipaparkan dalam ruang pengadunan.

Untuk memahami nilai estetika yang terdapat dalam puisi tersebut, maka kita perlu lihat dahulu struktur binaan leksikalnya. Kekekapan penggunaan kata-kata tertentu dalam puisi ini menonjolkan kolokasi BERPASANGAN yang merupakan kerangka skema-imej bagi metafora sejagat. Ciri yang paling menonjol dari pengulangan ini adalah penggunaan item yang sama atau serupa yang diulang sebanyak dua kali seolah-olah leksikal ini saling berpasangan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, terdapat lima pasangan serupa dan enam pasangan separa serupa, sama ada keserupaan itu dari aspek derivatif (proses imbuhan terhadap suatu suku kata yang berakibat mengubah kelas kata tersebut) atau infleksi (proses pembentukan kata baru dengan menambahkan imbuhan terhadap suatu kata yang tidak mengubah kelas kata tersebut). Bagi menjelaskan perkara ini, maka jadual berikut akan memaparkan secara ringkas mengenai elemen sepunya yang dimaksudkan:

**Jadual 2.0: Pasangan Leksikal dalam Puisi ‘Cinta ialah Sebuah Falsafah’**

Kelas Kata	Leksikal	Baris
Kata Kerja	menyatu	1 dan 7
Kata Nama	sungai	1 dan 2
	syurga	3 dan 9
Kata Ganti	aku	8 dan 16
	kamu-mu	8 dan 16
Kata Penentu	semua	6 dan 15
	tiada-tak ada	5 dan 11
Kata Tanya	mengapa-apa	8 dan 15
Kata Nafi	tidak-bukan	8 dan 16
Kata Sendi	di-dalam	5 dan 7
Kata Hubung	sekiranya-jika	12 dan 16

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, elemen seperti sintaksis, leksikal dan prosodi secara tidak langsung telah memaparkan skema-imej bagi konsep BERLAWANAN (seperti yang wujud dalam ruang input). Pertama, wujud skema-imej bagi konsep BERLAWANAN, seperti yang terdapat pada baris akhir rangkap pertama dan kedua. Penggunaan kata soal apa dan mengapa boleh diandaikan sebagai pemisah yang mengandungi penolakan atau penafian yang diekspresikan melalui frasa “mengapa aku tidak menyatukan denganmu?” dan “apa yang bererti dari semua ciuman itu, jika yang menciummu bukanlah aku?” Kedua, konsep BERLAWANAN ini juga dapat dikesan melalui struktur kata kerja yang digunakan, iaitu dari aspek transitif dan tak transitif. Jika diperhatikan dalam rangkap pertama, penulis menggunakan kata kerja tak transitif bagi keseluruhan frasa dan klausa yang digunakan. Hal ini berbeza dengan rangkap kedua di mana penulis menggunakan kata kerja jenis transitif bagi frasa dan klausa yang dibina. Oleh itu, jelaslah bahawa wujud elemen kontrasif antara rangkap pertama dengan rangkap kedua dari struktur tatabahasa atau nahu.

Secara keseluruhannya, kita telah melihat bagaimana puisi ini menjelaskan hubungan berlapis yang wujud antara konsep metafora dan ikon. Puisi ini juga turut menonjolkan konsep metafora konvensional mengenai falsafah CINTA. Penggunaan metafora yang berunsur flora dan cakerawala seperti bunga, sungai, lautan dan ombak telah memperkaya nilai estetika dalam gubahan puisi tersebut. Penggunaan metafora adalah untuk membantu pembaca menyelami pengalaman yang diungkapkan oleh penyair. Dari renungan terhadap alam, penulis menemui makna kewujudan dan makna kehidupan dalam penciptaan puisi. Perlambangan yang berupa ikon, indeks dan simbol amat digemari oleh penyair kerana potensinya mempertingkatkan mutu dan memperindahkan karya. Penyair tidak perlu menerangkan dengan lanjut isi karya kerana lambang yang digunakan sudah memadai untuk melaksanakan peranan tersebut.


Secara ringkasnya, puisi ini menggambarkan kerinduan seorang kekasih yang mengharapkan sebuah pertemuan dengan kekasih hatinya. Tema puisi ini diperoleh melalui konsep metafora dan struktur ikonik serta bentuk linguistik dan imej yang diteliti berdasarkan penggunaan kosa kata dan struktur tatabahasa yang kreatif. Metafora yang digunakan mempunyai nilai yang tersendiri dan nilai tersebut disasarkan kepada makna yang ingin dicari dan difahami. Bukan itu sahaja, bentuk leksikal, binaan sintaksis dan rangkap puisi juga turut memaparkan hubungan diagramatik dengan isi kandungan puisi yang diadunkan bersama metafora sejagat dan metafora nahu (hubungan antara tatabahasa dan semantik-kiasan).

## Data 2:

### Puisi: Impian

Lilinku terbakar pada kedua-dua hujungnya; Ia tak akan bertahan sepanjang malamnya; Tetapi ah, musuhku, dan oh, sahabatku, Ia memberi cahaya indah dalam hidupku.
--

Berdasarkan puisi tersebut, perbuatan “membakar kedua-dua hujung lilin” merupakan klausa metafora yang merujuk kepada gaya hidup tertentu, iaitu kesungguhan untuk melakukan sesuatu perkara secara berlebihan atau keterlaluan. Terdapat empat konsep metafora yang ditampilkan dalam puisi tersebut, iaitu KEHIDUPAN ialah CAHAYA; CAHAYA ialah USAHA dan KEMATIAN ialah KEGELAPAN; KEGELAPAN ialah KEGAGALAN. Walau bagaimanapun, konsep yang ditampilkan tersebut tidak memadai untuk merekonstruksi makna sebenar puisi. Hal ini demikian kerana untuk memahami sesebuah puisi secara menyeluruh, pembaca perlu melihat pada kata, frasa dan klausa yang lain, iaitu kata kunci yang membantu kepada pemahaman makna konteks dan tema puisi. Berdasarkan puisi tersebut, terdapat dua kata kunci yang membantu pemahaman makna kontekstual, iaitu i) lilin terbakar dan memberi cahaya; dan ii) lilin tidak boleh terbakar pada kedua-dua hujung pada masa yang sama. Oleh itu, dapat difahami bahawa ungkapan tersebut sebenarnya mengandungi unsur hiperbola yang bersifat peringatan atau nasihat, iaitu “jangan berbuat demikian!” dengan mengatakan sesuatu yang setara dengan “tidak mustahil untuk melakukan itu”. Untuk memahami perkaitan unsur-unsur metafora ini, maka proses pengadunan konseptual akan diterapkan. Rajah berikut memaparkan proses pengadunan konseptual berdasarkan TRM:



**Rajah 2.0: Proses Pengadunan Konseptual Berdasarkan Model Termometer**

Berdasarkan Teori Ruang Mental, ungkapan kiasan mempunyai ruang sumber yang memaparkan konteks yang berlaku, iaitu unsur perlambangan lilin yang digunakan, dan ia mempunyai ruang sasaran yang merujuk kepada cara hidup seseorang. Ekspresi 'lilinku' pada ruang pengadunan (blended space) bukan sahaja membawa maksud kehidupan diibaratkan seperti lilin, sebaliknya perbuatan melakukan sesuatu perkara secara keterlaluan atau melampau juga boleh diibaratkan seperti lilin yang terbakar pada kedua-dua hujung pada masa yang sama. Berdasarkan TRM ini, penulis menggunakan perlambangan lilin sebagai kiasan, iaitu menyamakan lilin dengan kehidupan. Tujuannya adalah untuk memberi analogi bahawa hidup ini diibaratkan seperti lilin, jika kita menggunakannya dengan cara yang betul, maka baiklah hasilnya dan begitulah juga sebaliknya. Perbuatan menyalakan lilin pada kedua-dua hujung pada masa yang sama diibaratkan seperti kesungguhan seseorang melakukan sesuatu perkara secara keterlaluan dan boleh memudaratkan dirinya. Oleh itu, nasihat yang ingin disampaikan penulis melalui baris ini adalah saranan untuk mengamalkan sifat kesederhanaan dalam kehidupan.



Pada baris kedua, klausa “ia tak akan bertahan sepanjang malam” merupakan jenis kiasan berpindah yang berfungsi menyatakan sesuatu makna secara tersirat tanpa menggunakan kata bandingan. Pada peringkat penyahkodan, klausa ini memaparkan nilai kesungguhan, iaitu usaha yang bersungguh-sungguh tanpa mengenal erti lelah. Dalam konteks ini, penulis ingin menceritakan bahawa yang dimaksudkan dengan frasa “tak akan bertahan” bukanlah bermaksud kematian, iaitu dinisbahkan jika lilin tersebut terpadam bermakna kematian (dengan mengambil kira konsep CAHAYA ialah KEHIDUPAN dan KEGELAPAN ialah KEMATIAN). Sebaliknya frasa tersebut mempunyai cakupan makna yang lebih luas, iaitu merujuk keupayaan seseorang itu untuk meneruskan rentak usaha yang dilakukannya dengan bersungguh-sungguh secara konsisten. Dalam erti kata lain, makna yang hendak disampaikan penulis melalui frasa ini merujuk kekhawatiran seseorang terhadap keupayaan dirinya untuk meneruskan rentak usaha yang dilakukannya secara konsisten sehingga berjaya (dengan mengambil kira konsep CAHAYA ialah USAHA dan KEGELAPAN ialah KEGAGALAN).


Seterusnya, kata hubung ‘tetapi’ pada baris ketiga berfungsi sebagai kata penghubung untuk menyatakan hal-hal yang berlawanan atau bertentangan. Pada baris ketiga, penulis menggunakan kata hubung ‘tetapi’ bagi membentuk hujah yang konsisten, iaitu dalam konteks musuhku dan sahabatku yang berfungsi memberi sebuah kiasan yang lebih menonjol dalam puisi. Penulis ingin menyatakan bahawa dalam kehidupan, sahabat dan musuh juga kadang kala akan mendorong kita untuk melakukan sesuatu perkara yang melangkaui batas dan kebolehan kita. Dalam erti kata lain, kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk membuktikan sesuatu. Oleh itu, pada baris ketiga ini, penulis sengaja menggunakan kata hubung ‘tetapi’ bagi menyatakan pertentangan makna, iaitu ingin mendorong pembaca supaya berfikir bahawa perbuatan membakar kedua-dua hujung lilin tersebut bukanlah suatu perbuatan yang sia-sia. Tujuannya adalah untuk mengajak pembaca berfikir bahawa tidak salah jika seseorang itu bekerja bersungguh-sungguh (secara berlebihan) sehingga memudaratkan diri demi membuktikan sesuatu yang hebat kepada musuh dan sahabatnya.

Selain itu, penggunaan kata seru *ah* dan *oh* juga mempunyai fungsi yang tersendiri dalam puisi tersebut. Kata seru *ah* dan *oh* sebenarnya mendukung emosi tertentu, iaitu kata seru *ah* berfungsi menyatakan keluhan manakala kata seru *oh* pula berfungsi menyatakan rasa terkejut atau kehairanan. Penulis memilih untuk menggunakan watak ‘*ah*, musuhku’ pada awal baris ketiga berbanding watak ‘*oh*, sahabatku’ kerana ingin memberi penekanan kepada watak yang ingin ditonjolkannya dalam puisi tersebut. Makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis di sini ialah musuh merupakan tujuan atau sebab utama mengapa seseorang itu berusaha bersungguh-sungguh (secara keterlaluan) dalam hidupnya. Hal ini demikian kerana dalam konteks kehidupan, musuh dan sahabat merupakan dua watak yang biasanya akan mempengaruhi tingkah laku dan perbuatan seseorang dalam kehidupannya.

Seterusnya, pada baris keempat pula, klausa “ia memberi cahaya indah dalam hidupku” merupakan kiasan, iaitu berfungsi menyatakan pertentangan makna atau kontradiksi pada baris pertama dan kedua. Baris keempat tersebut merupakan penerang bagi konteks pada baris ketiga, iaitu kata adjektif ‘indah’ dalam klausa tersebut mendukung makna konotatif yang merujuk sesuatu yang dibanggakan dan rasa kepuasan dalam hidup.

Oleh itu, pembahasan aspek makna pada baris ketiga dan keempat ini telah memberi gambaran logik terhadap pernyataan penulis sebelum ini, iaitu perbuatan membakar kedua-dua hujung lilin bukanlah suatu perbuatan yang sia-sia, sebaliknya memberi suatu kepuasan kepada diri. Oleh hal yang demikian, dalam puisi ini terdapat dua premis yang ditampilkan penulis, pertama

adalah “membakar kedua-dua hujung lilin adalah perbuatan yang baik” dan kedua adalah “membakar kedua-dua hujung lilin bukanlah suatu perbuatan yang baik”. Bagi melihat hubungan yang bersifat sejajar antara kedua-dua premis ini, maka proses pengadunan konseptual akan diterapkan berdasarkan rajah yang berikut:




**Rajah 2.0: Proses Pengadunan Konseptual Berdasarkan Model Termometer**

Ungkapan *LILINKU* dalam puisi tersebut berfungsi sebagai ikon yang menghubungkan antara penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*). Ikon merupakan persamaan dengan bentuk objeknya yang melaksanakan fungsi sebagai penanda yang menjadi tanda pada petandanya. Kata *ku* bagi *LILINKU* merupakan kata ganti diri pertama yang merujuk penulis puisi tersebut. Kata *ku* mempunyai hubungan yang menjelaskan tentang perasaan penulis puisi dengan apa yang diwakilinya pada puisi tersebut, seperti *LILINKU*. Ungkapan *LILINKU* dalam puisi tersebut merupakan metafora yang mendukung emosi keterujaan, iaitu bayangan kepada sifat kesungguhan (dengan mengambil kira konsep CAHAYA ialah USAHA). Penulis menggunakan perlambangan lilin dalam puisi yang dihasilkan bagi memberi gerakan dari alam objek secara luaran ke dalam dunia dan nasib manusia secara realiti. Hal ini demikian kerana lambang lilin bukan sahaja mendukung makna secara literal semata-mata, sebaliknya turut mempunyai makna simbolik tertentu dalam masyarakat Melayu tradisi. Maka tidak hairanlah jika orang

Melayu dahulu banyak menggunakan perlambangan lilin sebagai kiasan dalam penciptaan peribahasa dan puisi yang dihasilkan. Sebagai contoh, peribahasa; i) lengan bagai *lilin* dituang; ii) seperti *lilin* baru digelek; iii) guru umpama *lilin* yang membakar diri demi menerangi orang lain dan banyak lagi. Oleh itu, untuk memahami makna puisi tersebut dengan lebih jelas, maka kita perlu melihat penggunaan lambang lilin ini melalui sistem deskriptif.

Sistem deskriptif ialah gugusan perkataan yang mengarah kepada konsep yang sama atau dikenali juga sebagai *nuclear word*. Sistem deskriptif ialah gugusan kata, ekspresi dan idea yang digunakan oleh penulis bagi memberi gambaran terhadap mesej atau makna yang ingin disampaikan dalam puisi. Sistem deskriptif berfungsi sebagai metonimi kepada perkataan utama (*nuclear word*). Sistem deskriptif biasanya merupakan satu set stereotaip dan idea yang bersifat konvensional yang menerangkan perkataan yang berkaitan dengannya; ini berlaku apabila pembaca sedar, misalnya, ketika kita menyebut sifat seseorang yang berambut putih, kita sebenarnya merujuk kepada orang tua (Khairulanwar Abdul Ghani, 2020: 54). Sistem ini sebenarnya adalah berdasarkan logik akal manusia itu sendiri dan berada di luar konteks puisi. Rajah berikut memaparkan sistem deskriptif, iaitu perlambangan lilin yang berfungsi sebagai kata utama atau *nuclear word* dalam puisi:



**Rajah 4.0: Sistem Deskriptif bagi Lambang Lilin**

Secara keseluruhannya, puisi tersebut mengisahkan perjalanan hidup seorang manusia yang berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan yang diidamkannya. Dalam konteks ini, penulis menggunakan metafora lilin bagi memberikan kesan puitis dan keseragaman kepada puisi. Hal ini demikian kerana lambang lilin merupakan lambang sejagat yang berfungsi membawa konotasi positif dalam teks sastra yang dibina. Kita dapat lihat pada ruang logik, skema dinamik menghasilkan konsep 'minat sebagai penggunaan' yang bermaksud minat dikonsepsikan sebagai perbuatan 'membakar kedua-dua hujung lilin'. Kewujudan dua premis yang berbeza dalam puisi tersebut sebenarnya bertujuan mengajak pembaca untuk turut serta (berfikir) tentang makna sebenar yang ingin disampaikan. Walaupun pada dasarnya kedua-dua premis ini adalah berbeza, namun dari sudut semantik atau makna adalah saling bertaut, iaitu melengkapi keseluruhan makna yang hendak disampaikan penulis. Metafora membakar kedua-dua hujung lilin pada masa yang sama membawa konotasi negatif, iaitu kesungguhan (keterlaluan) yang terhasil disebabkan minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara yang dilakukan sehingga boleh memudaratkan diri (dengan mengambil kira KEGELAPAN ialah KEMATIAN). Oleh itu, tema utama puisi ini ialah nilai kesungguhan dan kesederhanaan dalam hidup. Oleh hal yang demikian, apa yang dapat dirumuskan di sini adalah perlambangan lilin dalam puisi tersebut boleh membawa makna yang pelbagai. Antaranya, lilin boleh

dikonsepsikan sebagai sebuah perjalanan, kehidupan, pengorbanan, kesungguhan, usaha dan cahaya.

### Perbincangan

Teks ialah bahasa dan sistem semiotik yang disusun secara berlapis dan berstrata entiti (Fauconnier, 1985). Empat aspek yang perlu diberi tumpuan untuk memahami teks sastera atau prosa klasik menurut saranan Fauconnier ialah:

- a) Bahasa, iaitu melibatkan struktur tatabahasa dan sebutan.
- b) Kandungan semantik termasuk lambang atau citra, metafora dan naratif.
- c) Bentuk komposisi termasuklah fonetik, grafik dan gerak isyarat.
- d) Tafsiran mengenai nilai estetika dalam kerangka genre (jenis teks sastera).

Terdapat struktur tatabahasa yang ditampilkan dalam puisi tersebut, iaitu lilinku-SUBJEK, terbakar-KATA KERJA, kedua-dua hujungnya-PENERANG. Kesemua struktur tatabahasa ini mempunyai fungsi atau peranan dalam aspek semantik dan struktur sebutan. Antara fungsinya termasuklah sebagai orang pertama, kedua, dan mod dalam paparan teks seperti ironi, nada suara bagi menyatakan emosi dan ketegangan (*tension in context*). Kedua ialah kandungan semantik. Kandungan semantik termasuklah struktur khayalan atau imaginasi yang terbentuk dalam ruang mental manusia yang biasanya akan dihubungkan dengan ruang logik bagi memahami makna atau konteks komunikasi. Ketiga ialah bentuk komposisi, iaitu merujuk struktur paparan teks seperti kata, frasa, ayat, kuplet, rangkap dan perenggan. Sebagai contoh, sepanjang malamnya dan cahaya yang indah yang berfungsi sebagai oksimoron (dua antonim yang wujud dalam suatu hubungan sintaksis yang sama). Keempat ialah tafsiran nilai estetika, iaitu melibatkan penilaian estetika bagi keseluruhan teks sebagai puisi dengan mengambil kira konteks dan genrenya.

Seterusnya, terdapat dua jenis metafora yang ditampilkan oleh Fauconnier (1985), iaitu: i) ikonik dalam metafora; dan ii) metafora dalam ikon. Ikonik dalam metafora merupakan suatu set imaginasi dan paparan diagramatik yang mengarah kepada proses penciptaan makna yang melibatkan metafora. Sebagai contoh, ikon seperti dokumen (*document*), bakul sampah (*waste basket*) dan meja (*desktop*) dalam ruang komputer adalah berbeza dengan dunia sebenar. Penggunaan istilah seperti *folder* dan *desktop* dalam komputer ini menandakan bahawa secara teorinya ikon boleh dianggap sebagai metafora kerana kemampuan manusia untuk mencipta hubungan antara pelbagai perkara berdasarkan persamaan tertentu (Line Brandt & Per Aage Brandt, 2005: 227). Konsep yang ditampilkan ini merupakan suatu gagasan yang penting bagi menghuraikan dengan lebih jelas tentang konsep skema imej yang melibatkan sistem kognitif dan metafora. Berbeza dengan konsep sebelumnya, metafora dalam ikon pula merujuk himpunan imaginasi dan aspek diagramatik dalam bentuk linguistik. Sebagai contoh, penggunaan ayat seperti “terlalu banyak *input* yang saya perolehi pada hari ini”. Metafora membolehkan kita memahami subjek yang abstrak dan tidak berstruktur (secara teknikal disebut domain sasaran) dari segi subjek yang lebih konkrit dan tersusun (domain sumber) (Hougaard, 2005: 58). Berdasarkan contoh tersebut, kita menggunakan istilah-istilah dalam proses komputer sebagai alat untuk mewakili cara kerja minda kita sendiri.

Metafora konvensi bukan hanya membentuk sebuah konsep berdasarkan pengalaman dan realiti kehidupan kita, sebaliknya turut membantu kita untuk memahami struktur bahasa dan fungsinya. Penggunaan metafora ini membantu manusia untuk memahami ekspresi linguistik

secara berstruktur dan bersistematik, sekali gus mengarah kepada pemahanan makna berdasarkan konteks.

Keberkesanan model ini terserlah melalui kemampuannya untuk menentukan bahagian mana dari proses metafora sama ada ruang input, ruang generik dan ruang pengadunan dihubungkan dengan pemetaan diagramatik daripada bentuk (struktur visual, bunyi dan sintaksis) dan makna. Secara teori, terdapat empat kemungkinan pemetaan: i) dari ruang generik ke bentuk VBS; ii) dari ruang sumber input ke bentuk VBS; iii) dari ruang sasaran input ke bentuk VBS; dan iv) dari ruang pengadunan ke bentuk VBS. Walau bagaimanapun, secara praktikalnya, kemungkinan untuk ruang sasaran input ke bentuk VBS adalah mustahil. Hal ini demikian kerana ruang sasaran dalam metafora ini telah ditentukan oleh sifatnya sendiri. Hal ini bermaksud proses pemetaan sebenarnya telah selesai dan bukannya pada peringkat permulaan.

Model pengadunan yang diperkenalkan oleh Fauconnier (1985) ini juga berjaya menjelaskan hubungan interaksi antara metafora dan ikon berdasarkan struktur-struktur yang wujud seperti yang ditunjukkan dalam segi empat di dalam ruang pengadunan pada Rajah 1.0. Penciptaan metafora dan ikon bukanlah suatu proses yang tetap, yang telah wujud sebelum teks. Sebaliknya, metafora dan ikon terbentuk pada saat pengadunan di mana semua ruang mental digabungkan, dilengkapkan dan dihuraikan ke dalam sistem yang lebih besar yang dihubungkan dengan inferens, emosi, pengetahuan lepas, budaya dan model kognitif (Coulson, 2001).

### **Kesimpulan**

Secara ringkasnya, kajian ini telah membuktikan bahawa model pengadunan telah berjaya menjelaskan mekanisme pemetaan ikonik dan metafora dari sudut kognitif. Analisis kajian juga menunjukkan bahawa model pengadunan berupaya menentukan bahagian mana dari proses metafora merupakan ruang generik, input atau ruang pengadunan yang berkaitan dengan pemetaan ikonik bagi segmen bentuk dan makna. Hubungan antara metafora dan ikon ini dapat dijelaskan melalui dua situasi, iaitu i) terdapat ikonik (imej dan diagramatik) dalam metafora; dan ii) segmen bentuk memperoleh makna ikonik melalui metafora nahu. Untuk memahami bagaimana hubungan metafora-ikon ini berfungsi dalam puisi, maka pengetahuan mengenai budaya, struktur makna, konteks pragmatik dan bentuk visual diperlukan.

Kajian ini telah mencapai objektifnya untuk menjelaskan fungsi metafora dan ikon dalam puisi dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif. Proses-proses kognitif bagi membolehkan penjaan dan peluasan makna puisi berlaku secara sistematik. Mekanisma kognitif yang meliputi skema imej dan metafora konsepsi berupaya memperlihatkan bahawa metafora adalah cara berfikir yang ditakrifkan sebagai suatu pemetaan bersistem dari ruang paparan ke ruang sasaran. Konsep-konsep yang terdapat dalam teori semantik kognitif memungkinkan kajian terhadap metafora Melayu dapat dianalisis menggunakan data yang empirikal secara lebih saintifik.

### **Rujukan**

- Brandt, L., & Brandt, P. A. (2005). Making sense of a blend. A cognitive-semiotic approach to metaphor. *Annual Review of Cognitive Linguistics*, 3(1), 216–249.
- Coulson, S. (2001). *Semantic Leaps: Frame-shifting and Conceptual Blending in Meaning Construction*. New York: Cambridge University Press.
- Fauconnier, G. (1997). *Mappings in Thought and Language*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Fauconnier, G. (1985). *Mental Spaces*. Cambridge: Cambridge University.
- Ghani, K. A., & Mohamed, N. (2019). Analisis sosiosemiotik terhadap konsepsi lambang flora dalam pantun nasihat. *Journal of Advanced Research Design*, 57(1), 1-20.
- Ghani, K. A. (2020). Analisis semiotik terhadap konsepsi lambang flora dalam pantun Melayu. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Hamad, N. I., Majeed, S. H., & Ali, W. E. (2018). An analysis of the figures of speech in mental spaces: A cognitive semantic study. *International Journal of Language and Linguistics*, 5(2), 42-54.
- Hiraga, M. (1999). Blending and the interpretation of Haiku: A cognitive approach. *Poetics Today*, 20(3), 461–82.
- Hougaard, A. (2005). Conceptual disintegration and blending in interactional sequences: A discussion of new phenomena, process vs. products, and methodology. *Journal of Pragmatics*, 37, 53–85.
- Lakoff, G., & Mark, J. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G., & Turner, M. (1989). *More than Cool Reason: A Field Guide to Poetic Metaphor*. Chicago: Chicago University Press.
- Masri, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Oakley, T., & Hougaard, A. (2008). *Mental Spaces in Discourse and Interaction*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamins.
- Riffaterre, M. (1978). *Semiotics of Poetry*. London: Indiana of University Press.
- Rusidin, H. M., & Hamid, Z. (2015). Akal budi Melayu dalam mantera: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu*, 14(2), 260-273.